

07 SEP 1996
Malawi-Buruh
MALAWI SEDIA TAWARKAN BURUH, KATA PRESIDENYA

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Malawi bersedia membekalkan tenaga buruh kepada Malaysia jika mendapat permintaan daripada negara ini, kata Presidennya Dr Bakili Muluzi hari ini.

Beliau berkata oleh kerana Malaysia sedang menghadapi masalah kekurangan tenaga buruh ekoran perkembangan industrinya yang pesat, Malawi boleh memenuhi keperluan itu dalam beberapa bidang tertentu.

"Jika Malaysia membuat permohonan, kami boleh membekalkannya (tenaga buruh) kerana terdapat banyak pekerja yang menganggur di Malawi," kata beliau pada satu persidangan berita di akhir lawatan tiga harinya di sini.

Dr Muluzi berkata negaranya mampu membekalkan tenaga pekerja khususnya dalam bidang pertanian.

Malawi menjemput para pelabur Malaysia untuk melabur di dalam sektor pertanian, pelancongan dan pembuatan.

Pemimpin Malawi itu berkata negaranya banyak mengeluarkan hasil pertanian seperti teh, gula, beras dan kayu balak yang boleh diterokai oleh para pelabur Malaysia.

Dr Muluzi berkata dua perjanjian yang ditandatangani antara Malawi dan Malaysia semasa kunjungannya akan mempertingkatkan dagangan dua hala dan pelaburan yang pada ketika ini adalah sangat kecil.

Tahun lepas, dagangan dua hala antara kedua-dua negara berjumlah RM1.87 juta dengan eksport dari Malaysia berjumlah RM1.33 juta manakala import dari Malawi berjumlah RM0.54 juta.

Import Malaysia dari Malawi kebanyakannya terdiri daripada sayur-sayuran dan ubi, minyak bijan dan buah-buahan.

Mengenai hasil lawatannya, Dr Muluzi yang melawat sebuah projek perumahan kos rendah semalam berkata Malawi akan menjemput pelabur Malaysia untuk mengkaji kemungkinan melaksanakan projek sedemikian di sana.

Dr Muluzi berkata beliau telah menyampaikan jemputan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk melawat Malawi.

"Perdana Menteri sangat berminat mengenai pelaburan. Dr Mahathir bersetuju mengunjungi Malawi secepat mungkin bersama-sama sekumpulan pelabur," kata beliau. -- BERNAMA.

RAZ MZ RON